

SULIT

45/1

45/1

Pendidikan Islam

Kertas 1

Ogos

2jam



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) CAWANGAN MELAKA
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PELAJARAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010

PENDIDIKAN AGAMA ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab satu soalan daripada Bahagian A dan semua soalan dalam Bahagian B
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku @ kertas jawapan.

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak.

45/1

[Lihat sebelah
SULIT

Bahagian A
(20 Markah)

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

1. (a) Firman Allah:

وَأذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ
بِالْغَدُوِّ وَالْأَصَالِ وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ ﴿٢٠٥﴾

سوره الاعراف: (205)

Ayat di atas menyeru umat Islam supaya sentiasa berzikir kepada Allah SWT.

- (i) Apakah maksud zikir? [2 markah]
- (ii) باتاكن فغرتين كلمة يعغ بركاريس . [2 markah]
- (iii) Nyatakan dua adab berzikir. [2 markah]
- (iv) Jelaskan dua kepentingan zikir. [4 markah]
- (b) (i) Islam, baligh dan berakal adalah antara syarat perawi Hadis. Nyatakan dua syarat yang lain. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua tujuan ditetapkan syarat-syarat tersebut. [4 markah]
- (c) Tulis perkataan yang bergaris mengikut nombor dalam petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

(i) (ii)
Kekuatan umat dapat diwujudkan apabila kerjasama dan semangat perpaduan
(iii)
dapat dipertahankan. Setiap murid hendaklah berusaha untuk bekerjasama bantu-
(iv)
membantu dengan tidak mengira bangsa.

[4 markah]

2. (a) Firman Allah:

فِيمَا رَحِمَهُ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا
 مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ
 فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾ سورة آل عمران: (159)

Ayat di atas menyeru umat Islam supaya sentiasa bertawakal kepada Allah SWT.

- (i) Apakah maksud tawakal? [2 markah]
- (ii) توليسكن فوتوغن اية القرآن يعي مماوا مقصود :
 “Apabila kamu membulatkan tekad maka bertawakallah kepada Allah” [2 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** sifat Rasulullah ketika berdakwah. [2 markah]
- (iv) Jelaskan **dua** kepentingan sifat tawakal ketika berdakwah. [4 markah]

- (b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْحَارِثِ بْنِ عَاصِمِ الْأَشْعَرِيِّ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص): الطُّهُورُ شَطْرُ
 الْإِيمَانِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأَانِ أَوْ تَمْلَأُ مَا بَيْنَ
 السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَالصَّلَاةُ نُورٌ وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ وَالْقُرْآنُ حُجَّةٌ لَكَ أَوْ
 عَلَيْكَ كُلُّ النَّاسِ يَغْدُو فَبَائِعٌ نَفْسَهُ فَمَعْتَقُهَا أَوْ مُؤَبِّقُهَا (رواه مسلم)

Hadis di atas menjelaskan antara amalan mukmin cemerlang ialah membaca al-Quran.

- (i) Nyatakan **dua** kelebihan membaca al-Quran. [4 markah]
- (ii) Jelaskan cara mengelakkan pendakwaan al-Quran di akhirat nanti. [2 markah]

- (c) Tuliskan petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

Persahabatan yang tidak berpandukan peraturan syarak akan membawa kepada perpecahan dan keburukan serta mendorong ke arah maksiat.

[4 markah]

Bahagian B
(80 Markah)

Jawab semua soalan

3. (a) Sabda Rasulullah SAW :

قال رسول الله (ص): أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك (رواه مسلم)

Hadis di atas menjelaskan setiap ibadat yang dilakukan dengan penuh ihsan akan diterima Allah SWT.

- (i) Apakah maksud ihsan? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** cara menghayati sifat ihsan dalam kehidupan. [4 markah]

- (b) Firman Allah SWT :

وَأَسِرُّوا قَوْلَكُمْ أَوِ اجْهَرُوا بِهِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٥١﴾

Ayat di atas menjelaskan tentang sifat Al-Alim bagi Allah SWT.

- (i) Nyatakan **dua** perbezaan antara ilmu Allah dengan ilmu manusia. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan beriman dengan sifat tersebut. [4 markah]
- (c) (i) Senaraikan **empat** perkara yang akan dilalui oleh manusia ketika menempuh alam akhirat. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** golongan yang layak menerima syafaat. [2 markah]

4. (a) Bersuci adalah di antara perkara yang menjadi tuntutan bagi orang-orang Islam.
- (i) Apakah maksud bersuci? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan hukum bersuci daripada hadas, najis dan kekotoran. [1 markah]
 - (iii) Jelaskan dua kepentingan bersuci dalam ibadat solat. [4 markah]
- (b) Pada bulan Ramadhan terdapat satu malam istimewa yang dikenali dengan Lailatul Qadar.
- (i) Jelaskan **dua** keistimewaan malam tersebut. [4 markah]
 - (ii) Nyatakan **tiga** amalan yang digalakkan dalam bulan Ramadhan. [3 markah]
- (c) Nyatakan jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat selain hasil pertanian dan ternakan. [2 markah]
- (d) Nyatakan istilah ibadat bagi situasi berikut:
- (i) Arif menunaikan solat fardu Zohor dua rakaat dalam perjalanan ke luar negara.
 - (ii) Ali menunaikan solat isyak dalam waktu maghrib semasa dalam perjalanan pulang dari menziarahi bapa saudaranya yang sakit di Perlis.
 - (iii) Anda berpuasa pada 10 Muharam.
 - (iv) Azli memberi secupak beras kepada fakir miskin kerana tidak mengqada puasanya sehingga masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya. [4 markah]

- 5 (a) Masyarakat Jahiliah merupakan masyarakat yang tidak tahu dan sesat daripada agama samawi.
- (i) Namakan **dua** golongan masyarakat Arab Jahiliah ketika itu. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepercayaan masyarakat tersebut selain menyembah berhala. [2 markah]
- (b) Saidina Abd Rahman merupakan ahli perniagaan yang berwawasan.
- (i) Siapakah nama sebenar beliau. [1 markah]
- (ii) Bagaimanakah beliau memeluk Islam. [1 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** keistimewaan beliau. [4 markah]
- (c) Perjanjian Hudaibiah merupakan perjanjian damai yang membawa kepada genjatan senjata antara Rasulullah SAW dengan musyrikin Quraisy. Nyatakan **dua** sebab berlakunya perjanjian tersebut. [4 markah]
- (d) (i) Susun semula potongan ayat al-Quran di bawah mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor potongan ayat sahaja.

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (1)
شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ (2)
وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ (3)

[3 markah]

- (ii) Lengkapkan ayat di bawah dengan kalimah yang diberi.

1	2	3
بِالْغَيْبِ	وَبِالْآخِرَةِ	رَزَقْنَاهُمْ

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ _____ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا _____ يُنْفِقُونَ ﴿٦٧﴾ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ هُمْ _____ يُؤْفِكُونَ ﴿٦٨﴾
--

[3 markah]

SULIT

45/1

6. (a) Islam menyuruh umatnya supaya menjaga adab pergaulan dengan keluarga.
- i) Nyatakan **dua** cara adab bergaul dengan keluarga . [4 markah]
 - ii) Jelaskan **dua** kebaikan menjaga adab bergaul dengan keluarga. [4 markah]
- (b) Islam amat menitik beratkan adab bercakap dalam sesuatu majlis.
- i) Berikan **dua** adab ketika bercakap dalam majlis. [4 markah]
 - ii) Nyatakan **dua** akibat jika tidak menjaga adab ketika bercakap. [4 markah]
- (c) Manusia diciptakan oleh Allah SWT adalah untuk beribadat kepadaNya. Nyatakan **dua** perbezaan antara adat dan ibadat. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

45/1

45/1(PP)**PENDIDIKAN ISLAM****Peraturan****Pemarkahan****Kertas 1****Ogos****2010**

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) 2010**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

PERATURAN PEMARKAHAN

PERATURAN PEMARKAHAN

No. Soalan		Jawapan	Markah
1	a	(i) Maksud Zikir ialah : - Mengingati Allah dengan hati, lisan dan perbuatan/ menyebut nama Allah	1isi x 2m = 2 markah
		(ii) Maksud kalimah bergaris : - Tuhan kamu - Orang-orang yang lalai/ Golongan yang lalai	2 isi x 1m = 2 markah
		(iii) Dua adab berzikir : - Menyebut lafaz zikir dengan betul - Memahami lafaz zikir - Dalam keadaan bersih/suci daripada hadas/Berwuduk - Zikir dengan lafaz yang terdapat dalam nas al-Quran dan as-Sunnah - Merasa kehebatan kekuasaan dan keagungan Allah - Menggunakan suara yang perlahan - Perbanyakkan berzikir dalam suasana genting - Berzikir dengan lafaz tertentu mengikut keadaan dan tempat - Tidak berzikir ketika qadak hajat	2 isi x 1m = 2 markah
		(iv) Dua kepentingan zikir : - Meningkatkan keimanan/ketakwaan kepada Allah - Melembutkan hati - Memberi ketenangan jiwa - Dapat melindungi diri dari maksiat - Terpelihara dari gangguan syaitan - Dapat membentuk disiplin diri - Merasai kehebatan dan kekuasaan Allah - Mendapat keberkatan dan kerahmatan - Mudah mendapat pertunjuk/hidayah	2 isi x 2m = 4 markah
	b	(i) Dua syarat perawi Hadis : - Adil - Kuat hafazan - Menjaga tulisan - Waspada	2 isi x 1m = 2 markah
		(ii) Dua kepentingan ketetapan syarat perawi : - Untuk menjaga kesahihan hadis - Supaya tidak berlaku perselisihan pendapat dalam penerimaan hadis - Supaya terpelihara daripada sebarang pemalsuan/penyelewengan - Jaminan bahawa hadis itu datang daripada Rasulullah SAW	2 isi x 2m = 4 markah

No. Soalan		Jawapan	Markah
	c	(i) كقواتن اومت دافت دوجودكن (ii) كرجاسام دان سماغت فرقادوان (iii) ستياف موريد هندقله براوسها (iv) دشن تيدق مغيرا بئسا	4 isi x 1m = 4 marka
2	a	(i) Maksud tawakal : - Menyerah diri kepada Allah setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh.	1 isi x 2m = 2 marka
		(ii) فإذا عزمت فتوكل على الله	1 isi x 2m = 2 marka
		(iii) Dua sifat dakwah Rasulullah SAW : - Bersifat lemah lembut dalam pertuturan, pergaulan dan tindakan - Sentiasa memaafkan kesalahan orang lain - Memohon keampunan untuk orang lain - Selalu bermesyuarat dengan para Sahabat - Bertawakal dalam pelaksanaan	2 isi x 1m = 2 marka
		(iv) Dua kepentingan sifat tawakal : - Melatih sentiasa memohon pertolongan Allah SWT - Sabar menghadapi kesulitan - Tenang dan tabah menerima kegagalan - Sentiasa muhasabah bersama untuk mengetahui kelemahan diri - Berusaha mempertingkatkan prestasi untuk mencapai kecemerlangan - Rendah diri apabila mencapai kejayaan - Bersyukur dan menikmati kejayaan bersama	2 isi x 2m = 4 marka
	b	(i) Dua kelebihan membaca al-Quran : - Memberi rahmat terhadap kehidupan - Petunjuk ke arah kebenaran - Memberi ketenangan jiwa - Mendapat syafaat di akhirat - Menjadi panduan hidup yang sempurna - Dijauhi godaan syaitan - Mendapat pahala yang berlipat ganda - Dapat meningkatkan iman/takwa - Menjadi penawar / penyembuhan penyakit	2 isi x 2m = 4 marka
		(ii) Dua cara mengelakkan pendakwaan al-Quran : - Meyakini bahawa al-Quran ialah panduan hidup yang sempurna - Membaca al-Quran dengan bertajwid dan beradab - Beramal dengan tuntutan al-Quran dan mentaati perintah serta menjauhi larangannya. - Memahami maksud dan pengertian ayat yang dibaca	1 isi x 2m = 2 marka

No. Soalan		Jawapan	Markah										
	c)	<p>فرصايتن يغب تيدق برقدوكن / فراتورن شرع اكن ممباوا</p> <p>كفد فرقهين دان كبوروقن / سرتا مندوروغ كاره معصية</p>	4 isi x 1m = 4 markah										
3	a	(i) Maksud ihsan ialah : - Kesungguhan, ketekunan atau keikhlasan melakukan sesuatu ibadat atau pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.	1 isi x 2m = 2 markah										
		(ii) Dua cara menghayati sifat ihsan dalam kehidupan : - Melakukan ibadat / pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT. - Melakukan kerja mengikut prosedur yang tepat - Bersyukur dengan nikmat dan kurniaan Allah SWT - Setiap amalan / pekerjaan dilakukan dengan cara yang terbaik. - Berterimakasih atas bantuan, kemudahan dan peluang yang disediakan - Mempamerkan imej yang berketrampilan.	2 isi x 2m = 4 markah										
	b	(i) Dua perbezaan antara ilmu Allah dan ilmu manusia : <table border="1" data-bbox="386 926 1263 1314"> <thead> <tr> <th>Ilmu Allah</th> <th>Ilmu Manusia</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>- Meliputi semua perkara</td> <td>- Amat terbatas</td> </tr> <tr> <td>- Ilmu Allah mutlak -tidak bergantung kepada masa</td> <td>- Pengetahuan manusia terbatas dan diperolehi melalui proses</td> </tr> <tr> <td>- Mengetahui semua perkara yang nyata dan tersembunyi</td> <td>- Mengetahui perkara yang wujud (nyata) sahaja</td> </tr> <tr> <td>- Ilmu Allah tidak perlu kepada kajian</td> <td>- Pengetahuan manusia bergantung kepada kebolehan mendapat maklumat</td> </tr> </tbody> </table>	Ilmu Allah	Ilmu Manusia	- Meliputi semua perkara	- Amat terbatas	- Ilmu Allah mutlak -tidak bergantung kepada masa	- Pengetahuan manusia terbatas dan diperolehi melalui proses	- Mengetahui semua perkara yang nyata dan tersembunyi	- Mengetahui perkara yang wujud (nyata) sahaja	- Ilmu Allah tidak perlu kepada kajian	- Pengetahuan manusia bergantung kepada kebolehan mendapat maklumat	2 isi x 2m = 4 markah
Ilmu Allah		Ilmu Manusia											
- Meliputi semua perkara	- Amat terbatas												
- Ilmu Allah mutlak -tidak bergantung kepada masa	- Pengetahuan manusia terbatas dan diperolehi melalui proses												
- Mengetahui semua perkara yang nyata dan tersembunyi	- Mengetahui perkara yang wujud (nyata) sahaja												
- Ilmu Allah tidak perlu kepada kajian	- Pengetahuan manusia bergantung kepada kebolehan mendapat maklumat												
	(ii) Dua kesan beriman dengan sifat Al-Alim : - Terhindar daripada sifat sombong, takbut dan riak - Melahirkan sifat jujur pada diri sendiri - Sentiasa berwaspada dalam tindak-tanduk kerana yakin bahawa Allah mengetahui segalanya - Menyedari diri kita dalam pengawasan Allah SWT (Mana-mana jawapan yang musabab diterima)	2 isi x 2m = 4 markah											

No. Soalan		Jawapan	Markah	
c	(i)	Empat perkara yang akan dilalui oleh manusia ketika di Padang Mahsyar : <ul style="list-style-type: none"> - Berhimpun untuk menunggu pengadilan Allah - Memohon syafaat daripada Rasulullah SAW - Amalan dihisab / dihitung - Al-Mizan - Siratal Mustaqim - Penerimaan buku amalan - Minum air telaga al-Khauthar (mana- mana jawapan yang munasabah diterima).	4 isi x 1m = 4 markah	
	(ii)	Dua golongan yang layak menerima syafaat : <ul style="list-style-type: none"> - Orang yang sentiasa berselawat kepada Nabi Muhammad SAW - Orang yang menziarahi Rasulullah SAW semasa masih hidup /maqam baginda selepas baginda wafat - Orang yang beriman dan beramal soleh - Orang yang sentiasa berdamping dengan ulama dan orang soleh. - Orang yang sentiasa membacakan diri membaca al-Quran - Orang yang mati syahid 	2 isi x 1m = 2 markah	
4	a	(i)	Maksud bersuci : <ul style="list-style-type: none"> - Menghilangkan hadas dan najis daripada anggota badan manusia 	1 isi x 2m = 2 markah
		(ii)	Hukumnya – Wajib	1 isi x 1m = 1 markah
		(iii)	Dua kepentingan bersuci dalam ibadat solat : <ul style="list-style-type: none"> - Ibadat diterima oleh Allah SWT - Diberi ganjaran pahala oleh Allah - Terhindar daripada gangguan syaitan - Terhindar daripada penyakit - Supaya dapat solat dengan khusyuk (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)	2 isi x 2m = 4 markah
b	(i)	Dua keistimewaan Lailatul Qadar : <ul style="list-style-type: none"> - Ibadat pada mala mini lebih baik daripada seribu bulan / pahala berganda - Turunnya Malaikat membawa rahmat - Malam yang penuh keberkatan - Doa diperkenankan - Dosa diampunkan - Malam diturunkan al-Quran (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)	2 isi x 2m = 4 markah	

No. Soalan	Jawapan	Markah
	(ii) Tiga amalan yang digalakkan dalam bulan Ramadhan : <ul style="list-style-type: none"> - Tilawah al-Quran - Solat terawih - Bersedekah - Qiamullail - Iktikaf di Masjid 	3 isi x 1m = 3 markah
c	Jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat : <ul style="list-style-type: none"> - Emas, Perak dan Matawang - Perniagaan - Harta Rikaz dan galian 	2 isi x 1m = 2 markah
d	(i) Solat Qasar	1 isi x 1m = 1 markah
	(ii) Solat Jamak Takdim	1 isi x 1m = 1 markah
	(iii) Puasa Sunat Hari Asyura	1 isi x 1m = 1 markah
	(iv) Fidyah	1 isi x 1m = 1 markah
5	a (i) Dua golongan masyarakat Arab Jahiliah ketika itu : <ul style="list-style-type: none"> - Masyarakat Badwi - Masyarakat Hadhari 	2 isi x 1m = 2 markah
	(ii) dua kepercayaan masyarakat tersebut selain menyembah berhala : <ul style="list-style-type: none"> - Agama menyembah alam/pokok/bulan dll - Agama Yahudi - Agama Majusi / sembah api - Agama Kristian - Agama Hanif 	2 isi x 1m = 2 markah
b	(i) Nama sebenar beliau : <ul style="list-style-type: none"> - Abdul Rahman bin Auf bin Abd Auf bin Al-Harith 	1 isi x 1m = 1 markah
	(ii) Beliau memeluk Islam : <ul style="list-style-type: none"> - Melalui Abu Bakar As-Siddiq 	1 isi x 1m = 1 markah
	(iii) Dua keistimewaan beliau : <ul style="list-style-type: none"> - Salah seorang sahabat byang dijamin masuk syurga. - Menjadi imam solat subuh dalam perang Tabuk. - Salah seorang calon jawatan khalifah - Menjadi pengerusi pemilihan khalifah Islam - Jutawan yang gigih / suka menderma / zuhud 	2 isi x 2m = 4 markah

No. Soalan		Jawapan	Markah
	c	<p>Dua sebab berlakunya perjanjian tersebut :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hasrat Rasulullah SAW dan para sahabat untuk mengerjakan umrah. - Kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam mengatur strategi untuk menghadapi musyrikin mekah. - Sikap umat Islam yang cintakan keamanan serta mengelakkan peperangan. - Kepatuhan para sahabat terhadap arahan Rasulullah SAW - Sikap toleransi dan tolak ansur Rasulullah SAW dan para sahabat. 	2 isi x 2m = 4 markah
	d	<p>(i) 2, 3, 1 @ 2 3 1</p> <p>(ii) 1, 3, 2 @ 1 3 2</p>	3 isi x 1m = 3 markah
6	a	<p>(1) Dua cara adab bergaul dengan keluarga :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ziarah-menziarahi - Memberi salam - Beradab ketika bercakap - Mengasihi yang lebih muda dan menghormati yang lebih tua. - Nasihat – menasihati kearah kebaikan. - Bekerjasama dalam perkara kebaikan <p>(Mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	2 isi x 2m = 4 markah
		<p>(ii) Dua kebaikan menjaga adab bergaul dengan keluarga .</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dikasihi dan dirahmati Allah SWT. - Jiwa tenang dan tenteram. - Terjalin hubungan kasih sayang. - Mudah menerima bantuan keluarga. - Dihormati masyarakat. - Memperoleh kejayaan. 	2 isi x 2m = 4 markah

No. Soalan		Jawapan	Markah												
b	(i)	<p>Dua adab ketika bercakap dalam majlis.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bercakap lemah lembut dengan memandang muka pendengar. - Mengucapkan percakapan yang berkesan dan mudah difahami. - Merendahkan suara dan bersikap rendah diri. - Bercakap benar dalam semua keadaan. - Menyesuaikan percakapan dengan majlis yang dihadiri. - Mengucapkan percakapan yang baik dan berfaedah. - Menuturkan percakapan yang dapat mengingatkan Allah. - Memohon maaf jika terkasar bahasa. - Bertutur menggunakan kata – kata yang sopan. - Memberi peluang orang lain bercakap dan menghormati pendapat mereka. 	2 isi x 2m = 4 markah												
	(ii)	<p>Dua akibat jika tidak menjaga adab ketika bercakap</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tidak mendapat kepercayaan masyarakat. - Mendapat dosa dan dibenci oleh Allah SWT dan RasulNya. - Mencetuskan perbalahan, pertikaman lidah dan percakapan. - Keras hati dan jiwa tidak tenang. - Sukar menyelesaikan masalah. - Berperilaku buruk. - Disisihkan oleh masyarakat. 	2 isi x 2m = 4 markah												
c		<p>Dua perbezaan antara adat dan ibadat :</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Ibadat</th> <th style="width: 50%;">Adat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>- Ditentukan oleh syariat</td> <td>- Menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian sesuatu umat</td> </tr> <tr> <td>- Tidak boleh diubahsuai</td> <td>- Berubah mengikut budaya sesuatu masyarakat.</td> </tr> <tr> <td>- Terdiri daripada perkara wajib dan sunat.</td> <td>- Terdiri daripada perkara harus.</td> </tr> <tr> <td>- Mendapat pahala daripada Allah SWT</td> <td>- Mendapat pahala mengikut niat.</td> </tr> <tr> <td>- Berdasarkan al-Quran dan Hadis.</td> <td>- Ada yang bersesuaian dengan al-Quran dan Hadis dan ada yang bertentangan.</td> </tr> </tbody> </table>	Ibadat	Adat	- Ditentukan oleh syariat	- Menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian sesuatu umat	- Tidak boleh diubahsuai	- Berubah mengikut budaya sesuatu masyarakat.	- Terdiri daripada perkara wajib dan sunat.	- Terdiri daripada perkara harus.	- Mendapat pahala daripada Allah SWT	- Mendapat pahala mengikut niat.	- Berdasarkan al-Quran dan Hadis.	- Ada yang bersesuaian dengan al-Quran dan Hadis dan ada yang bertentangan.	2 isi x 2m = 4 markah
Ibadat	Adat														
- Ditentukan oleh syariat	- Menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian sesuatu umat														
- Tidak boleh diubahsuai	- Berubah mengikut budaya sesuatu masyarakat.														
- Terdiri daripada perkara wajib dan sunat.	- Terdiri daripada perkara harus.														
- Mendapat pahala daripada Allah SWT	- Mendapat pahala mengikut niat.														
- Berdasarkan al-Quran dan Hadis.	- Ada yang bersesuaian dengan al-Quran dan Hadis dan ada yang bertentangan.														

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT